

Laporan kekalahan Kelantan diserahkan kepada Mahathir 22

UM 18 DEC 1999

BACHOK 17 Dis. — Badan Perhubungan UMNO negeri telah menyerahkan laporan lengkap mengenai kekalahan UMNO Kelantan pada pilihan raya umum lalu kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada Sabtu lepas.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Annuar Musa berkata, pada perjumpaan kira-kira sejam dengan Dr. Mahathir itu, beberapa perkara berkaitan turut dibincangkan.

“Terdapat isu kebangsaan tertentu telah mempengaruhi pemikiran pengundi tempatan dan ia antara punca calon mengalami kekalahan teruk pada pilihan raya itu,” katanya selepas menyampai-

kan sumbangan biasiswa kepada keluarga miskin di Kampung Aur Kandis di sini, hari ini.

Kata beliau, kempen membenci kerajaan yang diadakan sebelum hari pengundian juga meninggalkan kesan negatif ke atas calon-calon BN.

Menyentuh tentang ahli-ahli UMNO yang belot pula, beliau berkata, senarai nama mereka yang terlibat kini sedang dikumpul daripada setiap bahagian.

Jelas beliau, maklumat berkenaan akan dibincangkan oleh sebuah jawatankuasa khas untuk mengelakkan berlaku perlakuan balas dendam.